

Headline **Caltex dekati remaja dengan program kesedaran kesihatan**
Date **19 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **400 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,485**
PRValue **25,455**



Berita



■ Kiri: Jeremy menyerahkan replika cek kepada Dr Kamaruzaman.

Caltex dekati remaja dengan program kesedaran kesihatan

CHEVRON Malaysia Limited baru-baru ini melancarkan program 'Caltex Body Works' bagi meningkatkan kesedaran kesihatan reproduktif bagi pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Program ini, yang dijalankan dengan usaha sama Persatuan Kesihatan Produktif Malaysia (FRHAM) menasarkankan golongan remaja dalam peringkat usia 15-18 tahun. Program ini akan dijalankan dalam tempoh lapan bulan mulai Mac dan

akan melibatkan lapan buah sekolah yang dipilih.

"Melalui program ini, kami di Caltex percaya dengan usaha menyampaikan maklumat kepada pelajar sekolah seperti ini akan dapat membantu golongan berkenaan untuk memahami dengan lebih lanjut soal kesihatan reproduktif, termasuk maklumat tentang seperti HIV/AIDS," jelas Pengerusi Negara, Chevron Malaysia Limitd, Jeremy Oh.

Sementara itu, Pengerusi FRHAM, Dr Kamaruzaman

Ali menyatakan, pendekatan yang akan digunakan ialah untuk berinteraksi secara terus dengan anggaran 250 pelajar yang akan terlibat di dalam program ini.

"Kami juga dibantu oleh sukarelawan yang terdiri daripada penuntut kolej dan universiti untuk usaha ini," tambah beliau.

Usaha ini diambil selari dengan perkembangan semasa peningkatan penghidap HIV/AIDS yang membimbangkan. Daripada

1986 hingga Jun 2009 86,127 pengidap HIV adalah terdiri daripada golongan muda yang berusia antara 13 hingga 29 tahun.

Program yang dianjurkan selari dengan inisiatif global Caltex 'Energy for Learning' ini diharapkan akan membantu memupuk kesedaran dikalangan peserta. FRHAM juga berharap akan ada lebih banyak pihak korporat dan entiti perniagaan yang akan turut sama membantu di dalam program seumpama ini.